KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 9 JULAI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br><br>5.<br>6. | MAUT BOM IKAN, TRAGEDI LUAR BIASA – SALAHUDDIN, NEWS, ASTRO AWANI -7<br>AGRICULTURE MINISTER: WAITING FOR COPS REPORT, NATION, SIN CHEW DAILY -10<br>AGRICULTURAL MINIATER: FISH BOMBING IS UNCOMMON, NATION, CHINA PRESS -A9<br>TUNGGU HASIL SIASATAN POLIS KES PENYELAM TERBUNUH DI SEMPORNA, NASIONAL, BH -14<br>FISH-BOMBING CASES RISE TO 30 IN SIX MONTH, NATION, THE STAR -14<br>FISH-BOMBING CASES RARE: MINISTER, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 7.<br><br>8. | PINDA AKTA SUPAYA HUKUMAN BERAT KEPADA AKTIVITI BOM IKAN, NEWS, BORNEO TODAY -10<br>MARINE POLICE RECORD 30 FISH BOMBING CASES, HOME, BORNEO POST (KK) -2 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 9.<br>10.<br>11.<br>12. | KONTRAK AP BERAS TAMAT 2021, NIAGA, KOSMO -46<br>BERNAS JAMIN BEKALAN BERAS CUKUP, NASIONAL, BH -18<br>AP BERAS: BERNAS SERAH KEPADA KERAJAAN, DALAM NEGERI, UM -13<br>PASTIKAN BEKALAN BERAS CUKUP, TENGAH, HM -27 | PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS) |
| 13. | LEBIH 5,000KG DURIAN DITAWARKAN PADA FESTIVAL DURIAN BANGI GOLF RESORT, NIAGA, KOSMO -46 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 14. | NELAYAN PERLU BERANI CEBURI AKTIVITI TANGKAP IKAN LAUT DALAM, NASIONAL, BH -7 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br><br>21.<br>22.<br><br>23.<br><br>24.<br><br>25. | 'TURUN KE LAUT, PULANG KOSONG', DALAM NEGERI, UM -22<br>RM100,000 UPAH KLON BOT, MUKA DEPAN, HM -1<br>AH THUAN BUKA RAHSIA, SETEMPAT, HM -10<br>MALAYSIA RUGI RM6 BILLION SETAHUN, SETEMPAT, HM -11<br>BOT MALAYSIA DIKLON DI VIETNAM, SETEMPAT, HM -12<br>ISU KEPENTINGAN PESAWAH, NELAYAN DIBINCANG DALAM SIDANG DEWAN RAKYAT HARI INI, NEWS, BERNAMA -4<br>JUAL ISI DURIAN TANPA KULIT, PERATURAN BAHARU JUAL DURIAN, SH -9<br>CADANGAN JUAL ISI DURIAN WAJAR DIPERTIMBANG, PERATURAN BAHARU JUAL DURIAN, SH -9<br>WAN AZIZAH WITNESSES THE EXPORT OF FROZEN WHOLE DURIAN TO CHINA, NATION, SIN CHEW DAILY -7<br>BATU KURAU TO MARKET MUSANG KING DURIANS IN TWO YEARS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A40<br>DURIAN KING FATHER AND SON WON THREE PRIZES, NEWS, GUANG MING DAILY -A3 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Maut bom ikan, tragedi luar biasa - Salahuddin | | |
| MediaTitle | Astro Awani (www.astroawani.com) | | |
| Date | 09 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Maut bom ikan, tragedi luar biasa - Salahuddin

Aktiviti bom ikan yang meragut tiga nyawa pada Jumaat lalu merupakan kejadian luar biasa di Malaysia. Itu kata Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister: Waiting for cops report | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 09 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 10 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 67 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,018 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,054 |



# 農長：等待警方報告

## 確認魚炮炸死人案涉及單位

（吉隆坡8日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁指出，他正等待仙本那鱼炮炸死2名中国籍游客及1名本地潜水教练事件的警方正式报告，之后会就此事与砂州农业现代化、土著及区域发展部长展开会议。

他在国会走廊被媒体询及调查进展时说，必须确认涉及单位及人士后才能采取进一步行动。

"我相信警方的调查会很快完成，相关报告很快就会出炉。"

2名中国男游客及1名本地男性潜水响导，7月5日下午在仙本那当地潜水员形容为黑区的卡拉布安（Kalapuan）地区潜水时，疑被鱼炮炸死。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agricultural Minister: Fish bombing is uncommon | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 09 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A9 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 104 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,051 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,154 |



## 農長：3人遭魚炮炸死

# 炸魚方式不常見

（吉隆坡8日讯）沙巴仙本那日前发生2名中国籍男游客和1名向导潜水疑似遭鱼炮炸死案，农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育说，以炸鱼方式捕鱼在我国已不常见。

他说，农业部仍等待警方有关上述案件的调查报告。

"那只是还未经证实的传闻（谣传游客和向导潜水被鱼炮炸死），是不是真的要等警方报告。"

沙拉胡丁阿育今日在国会走廊接受媒体访问时，这么指出。

2名中国男游客及1名本地男性潜水响导周五（5日）在被仙本那当地潜水员形容为黑区的卡拉布安（Kalapuan）地区潜水时，疑被鱼炮炸死。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |

# Tunggu hasil siasatan polis kes penyelam terbunuh di Semporna

**Kementerian** Pertanian dan Industri Asas Tani masih menunggu hasil siasatan polis terhadap insiden tiga penyelam, termasuk dua pelancong China yang terbunuh di perairan Semporna pada Jumaat lalu, yang disebabkan aktiviti pengeboman ikan sebelum mengambil tindakan lanjut.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata kejadian seperti itu jarang berlaku tetapi kementerian perlu menentukan tindakan susulan, bagi mengekang kegiatan itu yang masih berleluasa di sesetengah lokasi.

"Kita perlu tunggu laporan penuh polis. Saya yakin polis boleh menyiasat perkara ini dengan pantas.

"Saya juga akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah.

"Kita perlu kenal pasti siapa individu dan kumpulan yang terbabit dalam aktiviti ini, supaya kita boleh bertindak selepas ini," katanya di lobi Parlimen, semalam.

Sebelum ini, Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Omar Mammah dilaporkan mengesahkan tiga individu, iaitu dua pelancong warga China dan seorang jurulatih selam tempatan yang terbunuh di perairan Semporna Jumaat lalu, adalah akibat aktiviti pengeboman ikan oleh nelayan tempatan.

Media tempatan melaporkan, kejadian didakwa berlaku antara jam 4 hingga 6 petang itu, apabila ketiga-tiga mangsa menjalankan aktiviti selaman di perairan Semporna, sebelum terkena bom ikan yang dibaling nelayan tempatan berhampiran lokasi mangsa menyelam.

Menurut laporan, pengendali bot yang membawa mangsa ke lokasi menyelam berhampiran Pulau Bum-Bum itu membuat laporan polis.

> ***Saya akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah. Kita perlu kenal pasti siapa yang terbabit dalam aktiviti ini.***
>
> ***Salahuddin Ayub,***
> *Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | THE STAR | NATION | 14 |

# Fish-bombing cases rise to 30 in six months

**KOTA KINABALU:** The Marine police have recorded 30 cases related to fish bombing during the first six months of this year, reveals Sabah Marine Police commander Asst Comm Mohamad Pajeri Ali.

He said 23 cases were under the Fisheries Act 1985 and seven under the Explosives Act 1957.

"The cases under the Fisheries Act were for having in possession explosives-related materials and equipment, such as detonators, ammonia fertiliser, compressors and other devices to catch fish using explosives.

"Semporna recorded the highest cases with 13, followed by Kota Kinabalu (11) as well as Kudat and Lahad Datu (three each)," he said in a statement.

ACP Mohamad Pajeri said the operations to track and arrest those resorting to such methods to catch fish were continuing.

On Friday, three divers – two Chinese tourists and a local dive master – were killed in the waters off Pulau Kalapuan in Semporna.

Police are investigating the case, which is believed to be the first involving deaths of divers from fish-bombing activities.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 2 |

# FISH-BOMBING CASES RARE: MINISTER

KUALA LUMPUR: Fish-bombing is rarely practised in Malaysia, Agriculture and Agro-based Industries Minister Datuk Salahuddin Ayub said yesterday. Nonetheless, he acknowledged that the practise, where explosives are used to stun or kill fish for easy collection, is still a problem. He was responding to claims by several dive instructors that they have either witnessed such incidents or heard the explosions. A diver and two Chinese tourists were killed last Friday off Semporna in Sabah's east coast, but police have yet to confirm claims that they were victims of fish-bombing activity.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pinda Akta Supaya Hukuman Berat Kepada Aktiviti Bom Ikan | | |
| MediaTitle | Borneo Today (www.borneotoday.net) | | |
| Date | 09 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Pinda Akta Supaya Hukuman Berat Kepada Aktiviti Bom Ikan

KOTA KINABALU: Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal menegaskan wujud keperluan untuk Akta Perikanan dan undang-undang berkaitan dipinda bagi memastikan aktiviti haram di laut seperti penggunaan bom ikan dijatuhkan hukuman lebih berat.
Ketua Menteri berkata, huk...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Marine police record 30 fish bombing cases | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 09 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 2 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 154 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 429 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,288 |



# Marine police record 30 fish bombing cases

**KOTA KINABALU:** Sabah Region 4 marine police team (PPM) recorded 30 cases of violations under the Fisheries Act 1985 and the Explosives Act 1957, in the first six months of 2019.

Marine police team commander ACP Mohamad Pajeri Ali ensured that marine police were serious in both matters as they not only threatened the safety of perpetrators and others, but also the surrounding ecosystem and scuba diving industry.

"From January to June 2019, there were 23 cases recorded under the Fisheries Act for offences such as possessing explosives, including detonators, ammonia, compressors and other equipment used to capture fish using explosives.

"A team tasked with eradicating border crimes also resulted in seven cases under the Explosives Act, with confiscated items valued at RM100,113," said Pajeri.

He said in order to prevent crimes, operations to detect and capture needed to be carried out continuously by conducting operations throughout Sabah, from the waters in the Federal Territory of Labuan all the way to Tawau.

This is to ensure criminal activities do not escalate.



ACP Mohamad Pajeri

"We are always working to maintain peace and safety at our borders. We will also continue to work in tandem with other departments and agencies to organise joint operations in order to further prevent and eradicate criminal activity.

"Sabah Region 4 PPM is an advocate for combating fish bombing in Sabah waters, whether through operations at the PPM level or through ongoing collaborations with other agencies, such as the Fisheries Department and Sabah Parks," Pajeri added.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/7/2019 | KOSMO | NIAGA | 46 |

Bernas serah kepada kerajaan untuk menilai, buat keputusan

# Kontrak AP beras tamat 2021

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

SHAH ALAM – Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) menyerahkan sepenuhnya kepada kerajaan sama ada menyambung kontrak Permit Import (AP) beras kepada badan itu selepas kontraknya bakal tamat pada tahun 2021 atau sebaliknya.

Pengarah Urusan Bernas, Ismail Mohamed Yusof berkata, ia bergantung kepada kerajaan untuk menilainya dan fokus syarikat kini adalah untuk memastikan bekalan beras dalam negara sentiasa mencukupi.

Beliau berkata, sistem yang diguna pakai sejak Bernas diswastakan juga didapati masih relevan digunakan dan harga yang ditetapkan juga berpatutan.

"Bagaimanapun, jika kerajaan mahu mengkaji semula sistem ini, kami akan beri bekerjasama. Buat masa ini, saya hanya ingin memastikan bekalan beras cukup selain pesawah di seluruh negara tidak mengalami kerugian," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Ulangtahun ke-25 Bernas di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ismail menjelaskan, sehingga kini, setiap tahun Bernas perlu menyediakan kira-kira dua juta tan metrik beras untuk kegunaan rakyat di negara ini.

"Pengeluaran padi negara setiap tahun mencecah dua juta tan metrik, namun selepas diproses ia boleh menghasilkan hanya kira-kira 1.2 juta tan metrik beras.

"Keperluan beras negara setahun dianggarkan kira-kira dua juta tan metrik.

"Justeru, bagi menampung keperluan dan memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi, kami terpaksa mengimport beras dari negara luar," ujarnya.


ISMAIL

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

# BERNAS jamin bekalan beras cukup

## Komited pastikan sistem sedia ada dikekalkan

Oleh Nur Lela Zulkipli
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) komited memastikan sistem beras negara sedia ada dikekalkan bagi menjamin bekalan beras sentiasa mencukupi sekali gus membela nasib pesawah.

Pengarah Urusan BERNAS, Ismail Mohamed Yusof, berkata berdasarkan pencapaian syarikat itu, negara tidak pernah mengalami kekurangan beras dengan adanya BERNAS sebagai badan pengawal selia.

"Malaysia memerlukan bekalan beras kira-kira dua juta tan setahun, dan kini kita mampu menghasilkan 1.2 juta tan setahun. Jadi, baki yang tidak mencukupi itu kita akan import dari luar negara.

"Bagi saya sistem sedia ada adalah yang terbaik kerana bekalan beras masih terkawal dan tidak berlaku sebarang masalah.

"Bagaimanapun, jika kerajaan mahu kaji semula sistem ini, kami akan bekerjasama," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Ulang Tahun ke-25 BERNAS, di sini, semalam.

Kira-kira 1,500 tetamu hadir memeriahkan majlis berkenaan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Ditanya mengenai Permit Import (AP) beras yang bakal tamat pada 2021, Ismail berkata, BERNAS menerima keputusan kerajaan menentukan sama ada permit berkenaan akan terus diberikan kepada syarikat itu atau sebaliknya.

"Buat masa ini saya hanya ingin memastikan bekalan beras cukup, selain pesawah di seluruh negara tidak mengalami kerugian.

"Apa saja keputusan kerajaan berhubung AP beras, kita bersedia untuk meneruskan perkhidmatan sedia ada supaya semua pihak mendapat manfaat.

"Sistem yang diguna pakai juga didapati masih relevan dan harga yang ditetapkan juga berpatutan," katanya.



***Ismail meraikan tetamu** pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-25 BERNAS, di Shah Alam, semalam.*
[Foto Roslin Mat Tahir/BH]

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 13 |



ISMAIL MOHAMED YUSOF (dua dari kiri) bersama tetamu yang hadir dalam majlis Ulang Tahun Ke-25 Bernas di Hicom Glenmarie Industrial Park, Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAARANI SAIBI

# AP beras: Bernas serah kepada kerajaan

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 8 JULAI

PADIBERAS Nasional Bhd. (Bernas) menyerahkan keputusan berhubung permit import (AP) beras kepada kerajaan selepas kontrak tersebut tamat pada 2021.

Pengarah Urusannya, Ismail Mohamed Yusof berkata, pihaknya kini hanya memberi fokus untuk memastikan bekalan beras dalam negara sentiasa mencukupi dan terpulang kepada kerajaan membuat penilaian.

Menurut beliau, setakat ini, sistem yang diguna pakai sejak Bernas diswastakan dilihat masih relevan dan harga yang ditetapkan juga berpatutan.

"Bagaimanapun, sekiranya kerajaan mahu kaji semula sistem ini, kami akan bekerjasama. Buat masa ini, saya hanya ingin memastikan bekalan beras cukup selain pesawah di seluruh negara tidak mengalami kerugian.

"Kita bersedia untuk sebarang keputusan berhubung AP beras, namun akan meneruskan perkhidmatan sedia ada supaya semua pihak mendapat manfaat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui sempena majlis Ulang Tahun Ke-25 Bernas di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Ismail berkata, sehingga kini, Bernas menyediakan kira-kira dua juta tan metrik beras setiap tahun untuk kegunaan rakyat di negara ini.

Jelasnya, pengeluaran padi negara setiap tahun mencecah dua juta tan metrik, namun selepas di proses ia boleh menghasilkan hanya kira-kira 1.2 juta tan beras sahaja.

"Keperluan beras negara setahun dianggarkan kira-kira dua juta tan. Oleh demikian, bagi menampung keperluan dan memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi, kita terpaksa import beras dari negara luar.

"Namun, kita berharap agar kerajaan boleh mempertimbangkan untuk melanjutkan kontrak AP beras yang akan tamat pada 2021," ujarnya.

SOUTHLINK
PANGSAPURI SERVIS SAMBUNGAN SELATAN
PEGANGAN BEBAS | 452-904 K.P
Harga Dari RM409,800
03-2282 9993
UOA GROUP
BUILDING EXCELLENCE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | HARIAN METRO | TENGAH | 27 |

# Pastikan bekalan beras cukup

**Bernas komited kekalkan sistem sedia diamalkan, bela petani**



ISMAIL beramah mesra dengan tetamu yang hadir.



PELBAGAI buah-buahan bermusim disediakan untuk pengunjung pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-25 Bernas.

Nur Lela Zulkipli
nurlela@hmetro.com.my

**Shah Alam**

Padiberas Nasional Bhd (Bernas) komited memastikan sistem beras negara sedia ada dikekalkan bagi menjamin bekalan sentiasa mencukupi, sekali gus membela nasib petani.

Pengarah Urusan Bernas, Ismail Mohamed Yusof berkata, berdasarkan pencapaian syarikat itu negara tidak pernah mengalami kekurangan beras dengan adanya Bernas sebagai badan pengawal selia.

"Malaysia memerlukan bekalan beras kira-kira 2 juta tan setahun dan kini kita mampu menghasilkan 1.2 juta tan setahun. Jadi, baki yang tidak mencukupi itu kita akan import dari luar negara.

"Bagi saya, sistem sedia ada adalah yang terbaik kerana bekalan beras masih terkawal dan tidak berlaku sebarang masalah.

"Bagaimanapun, jika kerajaan mahu kaji semula sistem ini, kami akan bekerjasama," katanya dalam Majlis Ulang Tahun Ke-25 Bernas di Ibu Pejabat Bernas di sini, semalam.

Kira-kira 1,500 tetamu daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta hadir memeriahkan majlis itu.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai permit import (AP) beras yang bakal tamat pada 2021, Ismail menyerahkan sepenuhnya keputusan kepada kerajaan untuk menentukan sama ada ia akan terus diberikan kepada syarikat berkenaan atau sebaliknya.

"Buat masa ini saya hanya ingin memastikan bekalan beras cukup selain pesawah di seluruh negara tidak mengalami kerugian.

"Apa saja keputusan kerajaan berhubung AP beras, kita bersedia untuk meneruskan perkhidmatan sedia ada supaya semua pihak mendapat manfaat.

"Sistem yang diguna pakai juga didapati masih relevan untuk digunakan dan harga yang ditetapkan juga berpatutan," katanya.

Bernas ditubuhkan pada 1996 dan mengendalikan perolehan, pemprosesan padi serta pengimportan, pergudangan, pengedaran dan pemasaran beras di Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | KOSMO | NIAGA | 46 |

# Lebih 5,000 kg durian ditawarkan pada Festival Durian Bangi Golf Resort

**KUALA LUMPUR** – Penggemar raja buah tidak harus melepaskan peluang untuk menghadiri Festival & Anugerah Durian Bangi Golf Resort, Bangi pada 13 dan 14 Julai ini.

Pengarah Festival, BK Tan berkata, lebih 5,000 kilogram durian daripada varieti terkenal dari ladang di Pulau Pinang, Pahang, Johor dan serata Malaysia akan dikumpulkan untuk santapan pengunjung.

Antaranya ialah durian kampung, D24, duri hitam serta musang king dan kehadiran pengunjung dijangka berganda berbanding penganjuran kali pertama tahun lepas yang menyaksikan lebih 6,000 pengunjung hadir.

"Bangi Golf Resort kini dalam proses membangunkan hab durian sepanjang tahun tanpa mengira musim dengan mewujudkan muzium durian, produk agro pelancongan dan pusat penyelidikan durian," katanya menerusi kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini baru-baru ini.



**BARISAN artis yang hadir pada Festival & Anugerah Durian Bangi Golf Resort di Bangi tahun lalu.**

Selain pasar petani, festival tersebut bakal dimeriahkan lagi dengan aktiviti sampingan iaitu Kejohanan Dunia Durian, Larian Durian dan Konsert Raja Buah melibatkan selebriti seperti Sissy Imann, Fara Hezel, Wani Kayrie dan Raja Syahiran.

Program yang turut disokong oleh Mardi itu berlangsung dari 10 pagi hingga 8 malam dan masuk adalah percuma.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Nelayan perlu berani ceburi aktiviti tangkap ikan laut dalam

**Bachok:** Nelayan perlu lebih berani untuk menceburi aktiviti penangkapan ikan laut dalam berbanding kekal sebagai nelayan tradisional.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil, berkata setakat ini hanya 1,200 lesen kelas itu dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan termasuk 85 pengusaha di Kelantan manakala 54,000 lagi adalah lesen kelas A,B dan C.

"Kita mahu nelayan lebih berani dan proaktif mengambil peluang memohon kelas C2 agar nelayan dapat berubah menjadi pemain industri.

"Memang bagi memiliki kelas C2 memerlukan modal yang agak besar namun nelayan boleh memohon pelbagai dana dan pembiayaan yang disediakan kerajaan bagi tujuan itu," katanya pada Majlis Interaksi Bersama Nelayan Bachok, di sini, semalam.

BERNAMA

> ***Memang bagi memiliki kelas C2 memerlukan modal agak besar, namun nelayan boleh mohon pelbagai dana dan pembiayaan disedia kerajaan bagi tujuan itu.***
>
> ***Muhammad Faiz Fadzil,*** *Pengerusi LKIM*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 22 |

# 'Turun ke laut, pulang kosong'

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
utusanperlis@utusan.com.my

■ ARAU 8 JULAI

KADANGKALANYA pergi ke laut tetapi pulang dengan tangan kosong. Pendapatan bulanan pula, hanya cukup-cukup makan antara RM500 hingga RM600.

Itu nasib ditempuh oleh kira-kira 200 orang nelayan dari Kuala Sungai Baru di sini pada masa ini, apabila kawasan penangkapan ikan di Zon A iaitu kira-kira 3.6 kilometer dari pantai berkenaan diceroboh oleh nelayan bot siput retak seribu.

Golongan itu mendakwa, operasi bot siput retak seribu yang disyaki dilakukan nelayan warga asing telah mengakibatkan pencemaran dan sekali gus mengurangkan hidupan laut di pesisiran.

Ini seterusnya menyebabkan nelayan mengalami kerugian kerana kekurangan hasil tangkapan.


KASA DERANI


IRWAN SHAH ABDUL JALIL


ABU BAKAR SAAD

Selain itu, pencerobohan bot siput retak seribu ini juga menyebabkan pukat yang digunakan oleh para nelayan mudah rosak.

Dakwa nelayan, berpuluh-puluh bot berkenaan dikatakan melakukan pencerobohan itu antara pukul 8 malam sehingga pukul 6 pagi keesokannya.

Nelayan, **Abu Bakar Saad**, 63, berkata, masalah tersebut bukan baharu malah sudah berlarutan sejak sekian lama.

Katanya, apa yang dikesalkan adalah apabila penguatkuasaan daripada pihak bertanggungjawab dilihat tidak tegas sehingga bot berkenaan bebas melakukan pencerobohan di kawasan itu.

Nelayan dari Kuala Sungai Baru itu juga berharap agar kerajaan segera campur tangan bagi menyelesaikan masalah tersebut yang telah menjejaskan sumber pendapatan mereka.

"Kadang-kala kami balik tangan kosong apabila tiada hasil tangkapan. Meskipun bot berkenaan tidak dibenarkan di perairan di negeri ini, namun mereka terus ingkar. Akibat masalah itu juga, kami hanya mampu memperoleh pendapatan bulanan sekitar RM500 ke RM600 sahaja.

"Bagaimana hendak makan, sara keluarga dengan pendapatan seperti ini. Tolonglah selesaikan masalah pencerobohan bot siput retak seribu dan bot pukat tunda buaya ini.

"Difahamkan aktiviti tersebut dilakukan oleh nelayan dari Kedah dan Thailand," katanya dalam nada kecewa ketika ditemui di sini hari ini.

Seorang lagi nelayan, **Kasa Derani**, 61, berkata, berikutan pendapatan yang tidak seberapa itu, mereka terpaksa melakukan pelbagai kerja lain bagi menampung perbelanjaan harian.

**Irwan Shah Abdul Jalil**, 40, pula berkata, dia sering bertembung dengan nelayan bot berkenaan yang selalu beroperasi pada waktu malam sehingga awal pagi.


TIGA nelayan menunjukkan pukat mereka yang rosak akibat aktiviti bot pukat tunda buaya dan siput retak seribu dipercayai dari Kedah dan Thailand yang menceroboh ke kawasan penangkapan ikan di Kuala Sungai Baru, Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/NORLIDA AKMAR IDROS

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | HARIAN METRO | MUKA DEPAN | 1 |





# RM100,000 UPAH KLON BOT

› Bot asal Kuala Terengganu, Kelantan dan Pahang, namun bot sama dikesan di daerah Song Doc, Vietnam oleh wartawan Skuad Khas Harian Metro yang membuat tinjauan di sana. Bot klon ini bebas menangkap ikan di perairan Malaysia selepas membeli lesen dari tauke nelayan di sini dengan bayaran RM40,000 hingga RM100,000 selain bayaran bulanan RM8,000 hingga RM12,000. Bantuan dalang rakyat Vietnam di negara ini dan 'orang dalam' pihak berkuasa membuatkan mereka kebal undang-undang Malaysia.

> 10,11&12

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 10 |

# An Thuan buka rahsia

## Nelayan tempatan pajak bot kepada pengusaha Vietnam sapu RM14,000 sebulan

Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Habuan lumayan RM40,000 hingga RM100,000 menyebabkan ada tauke nelayan tempatan yang gelap mata dan membenarkan lesen bot mereka dialihbahasakan untuk kegunaan pengusaha bot asing khusus daripada Vietnam.

Selepas mencapai persetujuan pemilik lesen boleh goyang kaki dan menerima bayaran bulanan antara RM8,000 hingga RM14,000 sebulan bergantung kepada perjanjian kedua-dua pihak.

Dalam satu pertemuan di satu lokasi rahsia sekitar Kuala Lumpur, orang tengah mahu dikenali sebagai An Thuan, 53, mendedahkan sikap tamak pengusaha bot tempatan memberi manfaat kepada nelayan dari Vietnam.

An Thuan mendedahkan, beberapa restoran di lokasi sulit sekitar ibu kota menjadi tempat perjumpaan antara pemilik bot dan ejen untuk urusan berkenaan.

"Selalunya, saya akan aturkan pertemuan antara tauke bot Vietnam dan pemegang lesen di ibu kota. Jika lancar, satu perjumpaan tertutup akan dilakukan sama ada di hotel untuk memuktamadkan perjanjian," katanya.

Memperincikan bentuk perjanjian antara dua pihak itu, An Thuan berkata, ia termasuk nilai pembayaran awal (deposit) dan bayaran bulanan, tempoh masa untuk memasuki perairan Malaysia, urusan pendaratan ikan di jeti (Malaysia), serta kelulusan kru bot oleh pihak berkuasa.

"Semuanya akan dimuktamadkan. Perjanjian kami tak ada hitam putih, semuanya atas dasar percaya, tapi kami patuh pada persetujuan," katanya.

Dia yang sudah lapan tahun terbabit dalam aktiviti ini juga sudah fasih berbahasa Melayu kerana kerap bergaul dengan tauke bot tempatan.

Menurutnya, tauke bot Vietnam menganggap perbuatan dilakukan tidak menyalahi undang-undang dan memberikan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak.

"Kita cari makan saja lagipun sudah bayar dekat pemilik bot (pemegang lesen) termasuk pihak berkuasa Malaysia. Kita ambil lesen dia buat (tangkap ikan) bukan salah.

"Dulu saya kerja kilang, sekarang jutawan selepas jadi orang tengah antara tauke bot Vietnam dan pemilik lesen serta pihak berkuasa tempatan," katanya.

Biarpun diasak wartawan, An Thuan menegaskan, nelayan Vietnam bukanlah menceroboh ataupun mencuri hasil laut Malaysia sebaliknya membantu nelayan tempatan dan pemilik bot.

"Sama macam saya cakap tadi, kita bayar mereka (nelayan tempatan/pemilik bot). Mereka ada lesen kalau bot tetapi tidak jalan (keluar tangkap ikan) tiada hasil juga.

"Kita buat kerja bagi pihak mereka dan jaminan bayaran bulanan tanpa menanggung sebarang risiko," katanya menegaskan, urus niaga berkenaan dilakukan secara tunai.



BOT dari Terengganu yang dijejaki di Vietnam.



DUA jenis nombor pendaftaran bot - satu Malaysia dan satu lagi Vietnam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 11 |

HARIAN METRO








# Malaysia rugi RM6 bilion setahun



*AN Thuan sudah lapan tahun menjadi orang tengah kepada pengusaha bot Vietnam dan tempatan.*

**[illegible]:** Bantuan tali barut tempatan dalam kalangan pihak berkuasa, nelayan dan pemilik bot membenarkan lesen vesel serta peralatan menangkap ikan mereka digunakan menyebabkan masalah pencerobohan nelayan asing khusus dari Vietnam ke perairan negara semakin parah.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mendedahkan Malaysia kerugian RM6 bilion setahun disebabkan pencerobohan nelayan asing terutama membabitkan nelayan Vietnam.

Bagi membuktikan kerakusan nelayan Vietnam menceroboh dan merompak hasil laut negara, wartawan Harian Metro ke negara ini untuk menjejak aktiviti mereka.

Bagi melindungi pergerakan wartawan menyamar sebagai pegawai pihak berkuasa dan mendapatkan bantuan seorang rakyat tempatan yang terpaksa dirahsiakan identitinya atas faktor keselamatan.

Wartawan ke beberapa wilayah seperti Phan Tiet, Ca Mau dan Ken Gien bagi meninjau industri perikanan tempatan dan pada masa sama cuba mengatur pertemuan dengan orang tengah atau ejen yang menguruskan kemasukan bot nelayan Vietnam ke Malaysia.

Usaha menjejak rangkaian menyokong aktiviti haram bot nelayan Vietnam berdepan kesukaran berikutan pertemuan diatur dengan beberapa individu memainkan peranan sebagai ejen pada awalnya gagal.

> "Laut Vietnam sudah tak ada ikan, kebanyakan tauke (pemilik bot) mempunyai lima hingga 10 bot sebab itu mereka masuk ke kawasan orang (ceroboh). Bukan Malaysia saja malah ketika ini nelayan kami masuk ke Kemboja, China, Thailand dan Indonesia"
>
> *Cuong*

Namun wartawan akhirnya berjaya bersemuka dengan Cuong, 40, mendakwa kerap mengatur penghantaran nelayan Vietnam ke Malaysia sejak lima tahun lalu.

Pertemuan di sebuah kedai kopi di bandar Mui Ne, di sini, pada mulanya agak tegang apabila Cuong mendakwa rundingan atau 'kowtim' untuk urusan berkenaan tidak berlaku di kawasannya.

Malah dia yang masih curiga turut menasihatkan wartawan supaya berhati-hati kerana urus niaga berkenaan membabitkan nilai jutaan ringgit.

Menjelaskan mengenai perkara itu Cuong berkata, lebih 15,000 bot nelayan dikategorikan sebagai kelas C2 dan kelas C berada di negara ini.

"Laut Vietnam sudah tak ada ikan, kebanyakan tauke (pemilik bot) mempunyai lima hingga 10 bot sebab itu mereka masuk ke kawasan orang (ceroboh). Bukan Malaysia saja malah ketika ini nelayan kami masuk ke Kemboja, China, Thailand dan Indonesia," katanya.

Ketika perjumpaan berlangsung, Cuong turut menawarkan wang RM40,000 kepada wartawan yang diyakini sebagai pegawai pihak berkuasa jika dapat mengeluarkan lesen bot dan lesen menangkap ikan kelas C dari Malaysia.

"Jika bagi lesen, saya cari tauke yang ada bot sama seperti spesifikasi (lesen) dikeluarkan. Jika berjaya bayaran antara RM10,000 hingga RM12,000 sebulan akan kami beri," katanya.

Cuong menegaskan, bayaran berbeza bagi bot kelas C2 yang akan dibayar sebanyak RM20,000 jika lesen berjaya dikeluarkan dan diikuti RM5,000 bayaran bulanan.

"Abang balik dulu bincang, jika dapat keluarkan lesen beritahu saya dan kita akan jumpa di Ho Chi Minh.

"Saya buat perkara ini dah lama, pernah keluarkan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan dari Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sebab itu nelayan Vietnam bebas keluar masuk Malaysia," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 12 |



# Bot Malaysia diklon di Vietnam

**Wartawan Harian Metro dedah taktik kaut hasil laut negara**

Skuad Khas Harian Metro

**Ca Mau, (Vietnam)**

Bot asal di Kuala Terengganu, Terengganu itu namun bot yang sama juga dikesan di daerah Song Doc, wilayah Ca Mau di sini.

Bot nelayan dengan spesifikasi, warna dan nombor pendaftaran sama seperti di Terengganu, Kelantan dan Pahang itu diklon selepas nelayan Vietnam mendapat lesen vesel serta peralatan menangkap ikan dari pihak berkuasa di Malaysia.

Itu situasi yang dilihat sendiri wartawan selepas menempuh perjalanan hampir 10 jam menggunakan jalan darat ke wilayah berkenaan.

Wartawan dengan bantuan seorang warga tempatan yang dirahsiakan identitinya atas faktor keselamatan menuju wilayah berkenaan sebelum diaturkan untuk bertemu dengan pemilik bot nelayan berkenaan.

Pemilik dikenali sebagai Nguyen Ngoc berkata, dia mempunyai lapan bot bersaiz 100 tan itu memerlukan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan bagi membolehkannya masuk ke perairan Malaysia.

"Kalau ada lesen berkenaan kami boleh menangkap ikan dengan selamat tanpa diganggu oleh pihak berkuasa.

"Hasil di perairan kami sudah tidak banyak malah ada di sesetengah tempat memang tidak ada langsung disebabkan itu ada tekong yang masuk ke Kemboja, Thailand dan Malaysia," katanya dengan bantuan penterjemah.

Dia mendakwa, selepas lesen vesel dan peralatan menangkap ikan diberikan kepadanya di Vietnam bot dari negara itu akan ke jeti ditetapkan di Malaysia bagi proses pemeriksaan fizikal mengikut spesifikasi lesen dikeluarkan.

"Kita ikut lesen, jika syarat ikan perlu didaratkan di jeti ditetapkan kita ikut, tetapi akan berlaku kerugian kepada tauke kerana ikan di Malaysia murah.

"Selain itu, nombor pendaftaran bot juga akan diubah mengikut lokasi yang ingin dimasuki seperti Terengganu, Kelantan dan Pahang," katanya.

Menurutnya, bendera dipasang pada bot nelayan juga akan ditukar mengikut kawasan yang dimasuki.

"Semua spesifikasi ini perlu sama kerana ada pegawai yang akan memeriksa bot nelayan di jeti ketika pengesahan lesen dilakukan.

"Pembuatan bot nelayan di sini sangat murah dan cepat berharga RM200,000 hingga RM400,000 (VND115 juta hingga VND225 juta)," katanya.

Wartawan kemudian membuat tinjauan di kawasan pembuatan bot nelayan di sekitar dan menemui pembuat bot yang enggan dikenali.

"Kami banyak menerima tempahan daripada pengusaha bot di negara ini dan belum lagi menerima tempahan dari luar.

"Kebiasaan bot yang ditempah berharga RM200,000 dan akan siap dalam tempoh tiga bulan. Bot ini menggunakan kayu biasa dan disalut dengan fiber bagi mengukuhkan strukturnya," katanya.

Katanya, ada juga pemilik bot yang menempah mengikut spesifikasi yang diperlukan mereka.

"Pelbagai permintaan dari pemilik bot, ada yang ingin cepat maka bayaran tambahan sekitar RM400,000 diperlukan," katanya.

**FAKTA**

*Pembuatan bot nelayan di Vietnam berharga RM200,000 hingga RM400,000*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Isu kepentingan pesawah, nelayan dibincang dalam sidang Dewan Rakyat hari ini | | |
| MediaTitle | Bernama(www.bernama.com) | | |
| Date | 09 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Isu kepentingan pesawah, nelayan dibincang dalam sidang Dewan Rakyat hari ini

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Isu kepentingan pesawah dan nelayan merupakan antara perkara yang bakal dibincangkan dalam sidang Dewan Rakyat, hari ini.
Berdasarkan Aturan Urusan Mesyuarat, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir (PH-Jerlun) dijadual mengemu...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/7/2019 | SINAR HARIAN | PERATURAN BAHARU JUAL DURIAN | 9 |



PERATURAN BAHARU JUAL DURIAN

# Jual isi durian tanpa kulit

*Peniaga durian terima pujian netizen, gerai dapat sambutan*

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

SINTOK

Sikap jujur seorang peniaga durian yang hanya menjual isinya yang elok pada harga RM25 sekilogram di Jalan Kampung Changkat Setoi, Batu 15 Jalan Sintok sejak Aidilfitri lalu membawa rezeki kepadanya apabila gerainya diserbu oleh peminat raja buah tersebut.

Mohd Izzuwan Ismail, 30, berkata, idea tersebut timbul selepas dia sendiri terbeli buah durian yang isinya tidak berkualiti dan buruk beberapa kali sebelum ini.

"Saya pernah beberapa kali beli durian timbang kilo (kilogram) tetapi kecewa kerana isi buah buruk. Sudah tentu orang lain juga pernah lalui sehingga menyumpah seranah peniaga durian.

"Disebabkan itulah, saya ambil keputusan untuk jual durian dengan timbang isi tanpa kulit. Pembeli juga berpuas hati kerana dapat makan isi durian yang elok kerana isi yang buruk kami telah asingkan.

"Alhamdulilah ramai pelanggan sama datang semula membeli durian di gerai saya," katanya ketika ditemui di gerai buah milik keluarganya di sini semalam.

Usaha Mohd Izzuwan yang juga seorang mekanik motosikal itu mendapat pujian orang ramai dan netizen selepas gambar adiknya, Mohd Izzul Hakimi, 18, sedang membuka durian di gerai keluarganya ditularkan oleh seorang pembeli durian di laman sosial semalam.

Pembeli tersebut yang dikenali sebagai Nur Hajar melalui Facebook mendoakan agar penjual buah berkenaan dimurahkan rezeki.



Mohd Izzuwan menunjukkan isi durian di dalam bekas yang dijual dengan harga RM25 sekilogram di gerai keluarganya di Jalan Kampung Changkat Setoi di Batu 15 Jalan Sintok.



Gambar Mohd Izzul sedang membuka buah durian untuk diisi ke dalam bekas yang tular di media sosial.

Sementara itu, Mohd Izzuwan berkata, buah durian yang berkeadaan tidak elok akan dibuka untuk memilih isi yang baik sebelum dijual di dalam bekas dengan harga RM25 sekilogram.

"Buah yang elok sahaja tidak dibuka dan dijual dengan harga RM8 sehingga RM 25 sekilogram mengikut jenis.

"Jika saya dapati ada durian seperti udang merah sekalipun yang sedikit rosak tetap saya buka untuk dicampur dengan jenis lain dan dijual dengan harga RM25 sekilogram," katanya.

Menurutnya, beliau berjaya menjual lebih 200 buah durian setiap hari yang diperoleh dari sekitar Changlun.

Katanya, perniagaannya juga mendapat perhatian dari luar Changlun apabila turut dijual di atas talian dan membuat penghantaran ke kawasan lain.

"Baru-baru ini saya telah membuat penghantaran sebanyak 20 raga durian ke Langkawi dan banyak lagi pesanan yang telah diterima," katanya.

## Cadangan jual isi durian wajar dipertimbang

KUALA LUMPUR - Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mengalu-alukan sekiranya terdapat pilihan pasaran terbaru dalam penjualan durian di mana raja buah itu dijual tanpa kulit.



NADZIM

Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johan berkata, inisiatif seperti itu bukan sahaja memberi pilihan kepada pengguna, malah dapat mengatasi masalah penipuan dan kerugian dialami pengguna yang kerap memperoleh durian buruk atau busuk.

"Kerajaan boleh mempertimbangkan perkara ini, mungkin dengan mewujudkan satu peraturan untuk penjual durian menjual isi durian sahaja kerana ia langkah yang sangat baik.

"Namun, jika ia dilaksanakan, penjual durian perlu memastikan kualiti atau jaminan isi durian itu mestilah berada pada tahap terbaik. Langkah tersebut sebenarnya telah diaplikasikan untuk durian yang dieksport ke luar negara," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, tular kisah mengenai seorang pemuda, Mohd Izzuwan Ismail, 30, yang menjual durian tanpa kulit di bahu jalan di Batu 15, Jalan Sintok, Kedah sehingga gerainya menjadi tumpuan peminat raja buah itu.

Mekanik motosikal itu dilaporkan berkata, inisiatif tersebut diambil kerana dia sering terbeli durian buruk dan mendapat idea untuk menjual isi durian saja bagi memastikan pelanggan berpuas hati.

Setiap isi durian diisi di dalam bekas dan dijual pada harga RM25 sekilogram, sementara sebiji durian akan dijual bermula dengan harga RM8 sekilogram sehingga RM25 mengikut jenis.

### FAKTA MENARIK TENTANG DURIAN



- Boleh meningkatkan berat badan kerana sebiji durian dengan berat purata satu kilogram mempunyai sebanyak 1,400 kalori dan seulas durian dengan berat purata 40 gram mempunyai sebanyak 59 kalori
- **Durian kaya dengan nutrien seperti potasium, serat, asid amino tryptoan, vitamin C dan B Kompleks, potasium**
- Boleh menjadi sumber tenaga segera kerana mengandungi kandungan karbohidrat yang tinggi
- **Kandungan gula ringkas iaitu sukrosa dan fruktis serta glukos yang tinggi menyebabkan buah durian tidak sesuai untuk pesakit kencing manis**

**NAMA BIASA:** Durian
**NAMA SAINTIFIK:** Durio zibethinus murr

**ASAL**
- Durian dipercayai berasal dari gugusan kepulauan Melayu. Spesies lain yang terdapat di Malaysia daripada jenis durio dan buahnya boleh dimakan adalah termasuk durio oxyleyanus, D graveolens, D dulcis dan D kutenjensis

**KAWASAN UTAMA TANAMAN**
- Durian didapati ditanam di semua kawasan di Malaysia dan kawasan utama penanaman secara komersial ialah di Perak, Kedah, Kelantan serta Pahang

**KEGUNAAN**
- Di Malaysia, durian ialah buah yang paling popular untuk dimakan segar dan sangat digemari. Ia boleh dimasak menjadi lempok, jem dan tempoyak serta boleh diproses untuk dijadikan serbuk . Percubaan telah dibuat untuk mengeksport durian dalam bentuk sejuk beku

**POKOK**
- Pokok durian boleh mencapai ketinggian sehingga 40 meter (m), manakala di bawah penanaman secara komersial, pokok lazimnya mencapai ketinggian antara 12 hingga 20m dan keluasan kanopi antara 19 hingga12m.

**KLON**
- Jabatan Pertanian telah mendaftar lebih daripada 190 klon durian sejak 1934. Sehingga kini hanya tujuh klon yang disyorkan untuk penanaman secara komersial di Semenanjung Malaysia dan antara klon tersebut ialah D24, D99, D123, D145, D158, D159 dan D169

**KEMATANGAN**
- Pokok durian yang ditanam daripada benih cantuman biasanya mengeluarkan hasil pada tahun keenam selepas ditanam walaupun kadangkala ada pokok yang boleh mengeluarkan hasil pada umur empat atau lima tahun selepas menanam. Pokok daripada benih anak biji pula mengeluarkan hasil selepas tujuh hingga 10 tahun menanam.

**HASIL**
- Hasil pada peringkat awal pengeluaran tidak menentu dan rendah (10 - 60 buah sepokok) dan boleh meningkat kepada 50 - 100 buah/pokok pada umur 10 tahun.
- Pokok durian yang menjangkau umur 20 tahun atau lebih boleh mengeluarkan hasil sehingga 100 - 200 buah sepokok semusim

**MUSIM**
- Pokok durian mengeluarkan hasil tidak menentu iaitu pengeluaran tinggi pada satu tahun dan berkurangan pada tahun berikutnya. Di bahagian utara seperti Kedah, Perlis dan Pulau Pinang musim utama dari April hingga Julai, sementara di selatan Semenanjung pada Jun hingga September.

* SUMBER: JABATAN PERTANIAN PULAU PINANG

INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

| Headline | Wan Azizah witnesses the export of frozen whole durian to China | |  |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 09 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 7 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 116 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,515 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,545 |

# 阿兹莎見證冷凍帶殼榴槤入華



副首相拿督斯里旺阿兹莎（右三）本周一（8日）在中国北京与农业部副部长沈志勤（左三）一同见证大马出口的冷冻带壳榴梿正式入驻中国。出席现场讲解榴梿活动的还有马来西亚驻中国大使努雅蒂（左二）及外交部副部长拿督马祖基（右二）。

旺阿兹莎是对中国展开4天官访。这是旺阿兹莎自去年5月担任副首相以来首次官访中国。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Batu Kurau to market Musang king durians in two years | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 09 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A40 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 759 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,874 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,623 |


# 峇都古劳猫山王 两年后推出市场



雷亚来 报导

**太平8日讯｜大马农业局推动在太平峇都古劳栽种的猫山王榴梿，迄今已零星产果，两年后正式推出市场。届时，既可为榴梿老饕提供寻食猫山王的另一个选择点，又可出口至中国赚取外汇，矢必令这个大马著名榴梿产区，进一步扬眉吐气。**

峇都古劳榴梿在我国享有盛名，在2011年，农业局更在峇都古劳集群榴梿计划下，每年分配猫山王果苗予当地果农，使该区增值成为我国未来名种榴梿产区。

当局在2011年分配2200棵猫山王果苗，予甘榜阿纳古劳果农，2017年分配1800棵予甘榜高渊果农，以在原有的榴梿园增种猫山王。



大马农业局在峇都古劳推动集群榴梿计划，鼓励果农栽种猫山王，迄今已零星产果，后年可推出市场。

峇都古劳集群榴梿计划将持续至2020年，迄今已分配约1万5000棵猫山王果苗予该区果农。

与此同时，基于看好猫山王前景，一些果农更自行购买果苗栽种，使该区未来将成盛产猫山王的榴梿区。

拉律马登县农业局副局长祖莱哈端发（东方日报）近日指出，峇都古劳集群榴梿计划的宗旨是要提高峇都古劳榴梿的品质与产量，进而提升果农的收入，迄今已有千多名果农响应。

## 料将出口中国

她说，据她所知，该区第一批栽种的猫山王榴梿已零星产果，因果量少尚未推出市场，预计两年后才正式在市场上亮相，而果量将逐年增加。

"估计两年后将有一定数量的猫山王榴梿，供应国内外市场，基于峇都古劳的联邦农业销售局设有冷冻设备，届时将来也或考虑榴梿冷冻出口至中国。"



太平峇都古劳是我国著名榴梿产区，每年的榴梿季节，都有不少的榴梿老饕前来选购美味甘甜榴梿。

她说，峇都古劳因盛产榴梿而闻名，然而未来将因盛产猫山王而令其名气更加响亮。

与此同时，相关单位也获知，近年代号D200的黑刺榴梿崛起，所以，该局在两年前也提供一些黑刺果苗予农友，满足多元市场需求。而实际上，农业部长日前曾提及不排除计划，也会将黑刺等品种榴梿出口到中国。

"黑刺的果苗少，不易得，所以，农业局提供予峇都古劳果农的果苗中，猫山王占95%，黑刺仅占少数。"

另外，峇都古劳榴梿园园主拉吉曼访时告知，其岳森友人在多年栽种3英亩的猫山王榴梿，每季榴梿季节收入高达20万令吉，十分诱人。

他直言，友人的成功案例鼓舞了他，先后在近年购买了250棵猫山王果苗，在自家的榴梿园栽种，估计两三年后便有收成。

Powered by: isentia

| Headline | Durian king father and son won three prizes | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 09 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A3 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 561 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,500 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,500 |



# 檳城果王賽 黑刺冠中冠

# 榴槤王父子奪三獎

报导:李燕君

(槟城8日讯)槟城榴梿季节虽已进入尾声,但号称"槟城榴梿王"的陈耀宗与3名儿子,仍在"2019年槟州榴梿盛会"赛中,凭著浮罗"黑刺"荣登"冠中冠"(Juara antara Juara)宝座,另以"黄姜王"与"猫山王"夺得接种榴梿冠、亚军。




↑陈耀宗(右二)携3子参加2019年榴梿盛会囊括3奖,左起是陈志文、陈志杰与陈志伟。




←陈家的浮罗"黑刺"夺得2019年榴梿"冠中冠"。

这3项荣誉成了陈耀宗最佳的退休礼物,当知道击败16名对手及百余个名种后,他与儿子更是喜上眉梢。

## 槟榴梿擂台常胜军

58岁的陈耀宗是湖内脚标榴梿创办人,三十多年来积极投资榴梿种植业,也是槟州榴梿盛会擂台的常胜军,他研究的多个名种皆在竞赛中打出名堂,战果累累。

基于健康问题,陈耀宗已决定近期退休,把榴梿山、家族榴梿园与种植业等交由3名儿子继承,即大儿子陈志伟掌管脚标榴梿、二儿子陈志杰负责开发榴梿种植业及三儿子陈志文管理榴梿工厂。

他上周六携带儿子陈志伟(34岁)、陈志杰(28岁)与陈志文参与由槟州农业局主办的"槟城榴梿盛会"榴梿赛,连夺3奖成为当天大赢家。

陈耀宗的退休心愿是槟城榴梿以独特品质扬名国际,成功进军中国市场。(CYL)



■陈志杰细心照料的"黑刺"品质绝佳。

## 老樹接種黑刺打敗16人

陈志杰说,他已多次陪父亲上榴梿擂台开眼界,今年的参赛者多达116人,单单角逐"冠中冠"就有16人,起初他的信心不大,不料用心培植的老树接种"黑刺"品质出众,不负所望。

他说,父亲以榴梿山种植有限公司替他报名,这次胜出的"黑刺"是老树新接枝12年的榴梿,已有6年生产期,即使已近榴梿尾声品质也丝毫不逊。

他指出,弟弟陈志文以噢鲜有限公司参赛,夺得"黄姜王"Raja Kunyit冠军,也是老树驳枝30年的果王。

他说,哥哥陈志伟今年参赛的"猫山王",去年获季军,今年则晋升亚军。

陈志杰强调,陈家目前培植多亩逾2000棵榴梿,当中以"黑刺"、"黄姜王"、"猫山王"、"青皮15号"、"葫芦"及"红虾"为主,还在研发更多新品种,有意进军中国市场。

他希望农业部支援榴梿业新技术,协助我国开发环球一枝独秀的大马榴梿业,避免优势遭邻国居上。

"若当局能够注重榴梿种植优势放宽条例,让有兴趣者以租赁政府地来开拓榴梿业,将会有很好的前景,因为只有槟岛的土壤可种出品质独特的好榴梿。"(CYL)

Powered by: isentia